



SIARAN MEDIA

PROGRAM KAYUHAN BERINFORMASI BERSAMA DYTU TUANKU RAJA MUDA PERLIS SEMPENA SAMBUTAN PERINGATAN HARI ANTIDADAH PERINGKAT NEGERI PERLIS TAHUN 2025

"PENCEGAHAN DADAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

14 Jun 2025

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mengadakan Program Kayuhan Berinformasi bersama DYTU Tuanku Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail sempena **Sambutan Peringatan Hari Antidadah Peringkat Negeri Perlis 2025**.

Aktiviti kayuhan tersebut bermula dan berakhir di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ali Ahmad, Mukim Seriab sejauh 12 kilometer.

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai bahaya dadah dengan cara menyampaikan mesej **'Pencegahan Dadah Tanggungjawab Bersama'** secara inklusif kepada masyarakat pelbagai lapisan melalui pendekatan santai, sihat dan terbuka. Selain itu, aktiviti ini juga mampu memperkukuh peranan komuniti dalam pencegahan dadah dengan menggalakkan penglibatan komuniti termasuk belia dan keluarga dalam usaha mewujudkan persekitaran bebas dadah.

Menerusi aktiviti ini juga, kempen mempromosi gaya hidup sihat tanpa dadah dapat diterapkan dengan menggabungkan pelbagai aktiviti fizikal seperti berbasikal, berjalan kaki dan senamrobik dengan mesej

kehidupan sihat tanpa pengaruh dadah atau bahan terlarang. Pelbagai aktiviti selingan seperti pertandingan memasak makanan tradisional, sukan rakyat, jualan produk Sokongan Untuk Kepulihannya Anda (SUKA AADK) dan Jualan RAHMAH MADANI, pameran agensi dan demonstrasi anjing pengesanan turut diadakan bagi memeriahkan program.

Pendekatan santai ini turut berupaya meningkatkan jalinan kerjasama strategik antara AADK dan pihak kerajaan negeri khususnya Kerajaan Negeri Perlis dalam mengukuhkan sinergi melaksanakan program advokasi dan pencegahan dadah atau bahan berorientasikan komuniti.

Berdasarkan data sehingga Mac tahun 2025, Negeri Perlis mencatatkan penurunan sebanyak 7 peratus iaitu sebanyak 1,807 orang berbanding 1,942 penyalah guna dan penagih dadah serta bahan bagi tempoh sama tahun sebelumnya. Kadar penyalahgunaan dadah dan bahan berdasarkan 100,000 penduduk di Perlis adalah mencatat sebanyak 609 orang penagih berbanding 654 bagi tempoh sama tahun sebelumnya.

Kategori dadah yang menjadi pilihan utama bagi penyalah guna dan penagih di Perlis adalah dadah jenis Amphetamine Type Stimulants (ATS) dengan majoriti 78.2 peratus atau 1,413 orang bagi tempoh sehingga Mac 2025. Jenis dadah kedua tertinggi pula ialah jenis Opiat iaitu sebanyak 21 peratus daripada jumlah keseluruhan penyalahgunaan dadah dan bahan di Perlis.

Justeru, menerusi dapatan ini, AADK akan mempergiatkan program pencegahan di seluruh negara termasuk di Perlis sebagai usaha memastikan kadar penagihan dan penyalahgunaan dadah atau bahan dapat diturunkan dari semasa ke semasa. Kerjasama erat antara

Kerajaan Persekutuan menerusi Kementarian Dalam Negeri dengan kerajaan negeri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemimpin masyarakat dan komuniti perlu digembleng demi keselamatan dan kesejahteraan sejagat.

#TAMAT#

DATO' RUSLIN BIN JUSOH
KETUA PENGARAH
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN



Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini, sila hubungi Unit Media dan Komunikasi Korporat, Agensi Antidadah Kebangsaan di talian 03-8911 2424/ 2564